

ANALISA HADITH DALAM KITAB DUA RISALAH ILMU QIRAAT KARANGAN SYEIKH NUH JAMALUDDIN AL-KELANTANI

Khairul Anuar Mohamad ⁱ, Muhammad Hana Pizi ^b, Abdullah ⁱⁱ, Mohd Zaini Zakaria ⁱⁱⁱ, Mohd Hasbie Al-Siddique Ahmad ^{iv}

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: khairul@usim.edu.my

ⁱⁱ Imam Besar, Majlis Agama Islam Kelantan. mhanapizi@e-maik.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel. zaini@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah, Universiti Islam Selangor. hasbieahmad@gmail.com

ABSTRAK

Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani adalah tokoh al-Quran yang banyak memberi sumbangan dalam perkembangan pengajian Quran di Malaysia. Beliau telah menghasilkan beberapa karya penulisan dalam ilmu Tajwid dan Qiraat. Hasil penulisan beliau ini masih dibuat kajian dan sebahagiannya masih digunakan dalam pengajian. Objektif penulisan ini adalah untuk melihat hadith yang terdapat dalam karyanya *Dua Risalah Dalam Ilmu Qiraat*. Penulisan ini akan membuat takhrij hadith dengan melihat pendapat ulamak hadith terhadap status hadith tersebut. Metode kajian ini adalah dalam bentuk kepustakaan dan dapatannya dianalisa. Kajian ini mendapati terdapat lima hadith yang ditulis dalam buku *Dua Risalah Ilmu Qiraat*. Dari lima hadith tersebut terdapat hadith yang sahih, daif dan munkar.

Kata-kata kunci: Nuh Jamaluddin al-Kelantani, *Dua Risalah Ilmu Qiraat*

PENGENALAN

Dunia nusantara mempunyai tokoh besar dalam ilmu Qiraat seumpama Syeikh Mahfuz al-Tarmasi. Karyanya menjadi rujukan di dunia arab seumpama kitabnya dalam menghurai matn *Toyyibah* yang dinamakan dengan *Ghunya al-Talabah* Syarh al-Toyyibah. Selain beliau disana terdapat ulamak yang menghurai matn qiraat, antara mereka ialah Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani.

Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani memulakan pengajian ilmu di Kelantan. Selepas itu beliau melanjutkan pengajian di Makkah al-Mukaramah. Ramai guru yang beliau menadah untuk mendalami ilmu. Kepakarannya adalah dalam ilmu Quran termasuk Tajwid dan Qiraat. Beliau bertalaqqi dengan seorang tokoh yang terkenal dalam ilmu Quran di Makkah iaitu Syeikh Abdullah Qasim Senggora atau dikenali dengan Tok Senggora.

Karya penulisan yang dihasilkan oleh Syeikh Nuh Jamaluddin adalah dalam bidang Tajwid dan Qiraat. Dalam bidang tajwid kitabnya yang masih dicetak sehingga hari ini ialah *Tuhfat al-Sibyan*. Manakala dalam bidang Qiraat beliau telah menghasilkan buku dalam

Riwayat Syukbah yang dinamakan dengan Durrah al-Muntakhabah Fi Rawayat Syukbah. Beliau juga menghasilkan buku dalam Qiraat Imam Hamzah dan Riwayat Warsy yang dinamakan dengan Dua Risalah Ilmu Qiraat.

KAJIAN LITERATUR

Di akhir-akhir ini telah banyak penulisan berkaitan Syeikh Nuh Jamaluddin. Jika disoroti penulisan tersebut adalah berkisar tentang sejarah kehidupan, karya beliau yang dihasilkan dan juga metode penulisan. Syeikh Nuh Jamaluddin telah memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu Quran di Malaysia dengan melahirkan murid-murid yang berjaya dalam pengajian. Ramai di kalangan mereka yang menjadi guru agama dan tiga orang daripada mereka menjawat jawatan mufti.

Nik Muhammad Fadlan dalam artikelnya Metodologi Tauhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid al-Quran, menyatakan bahawa antara muridnya ialah Haji Hasan Hafiz, Kuala Sungai Baru merupakan seorang Mufti Melaka pada tahun 1960, Dato' Haji Ismail Yusuf merupakan Mufti Kelantan pada tahun 1987. (Nik Muhammad Fadlan, 2024) Murid ketiga yang menjadi mufti ialah Dato Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim. (Khairul, 2005)

Dalam artikel Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani: Penyambung Sanad Tok Senggora menyatakan bahawa Nuh Jamaluddin telah menghasilkan dua buah kitab iaitu sebuah kitab Tajwid dan sebuah kitab Qiraat yang lengkap. Kitab tajwidnya bertajuk Tuhfatul al-Sibyan Fi Tajwid al-Quran dan kitab Qiraatnya bertajuk al-Durrah al-Muntakhabah Fi Riwayat Syu'bah. (Shaharuddin bin Saad, 2017)

Namun begitu Muhammad Hana Fizi B Abdullah dalam artikelnya Sumbangan Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani Dalam Bidang Ilmu Qiraat Melalui Kitab al-Durrah al-Muntakhabah Fi Riwayat Syu'bah, menyatakan bahawa dalam penelitian penulis terdapat dua karya Qiraat yang dihasilkan oleh Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani. Pertama al-Durrah al-Muntakhabah Fi Riwayat Syu'bah dan yang kedua ialah Dua Risalah Pada Ilmu Qiraat. (Muhammad Hana Fizi B Abdullah, 2023)

Dalam artikel bertajuk Metodologi Nuh Jamaluddin dalam Menghurai Karya Syeikh Muhammad Mutawali dan Syeikh Ali Dabba' menyatakan bahawa "melihat kepada huraian yang dikemukakan dalam kitab ini, ia menggambarkan bahawa Syeikh Nuh Jamaluddin adalah seorang tokoh al-Quran yang amat berwibawa sehinggakan mampu menterjemahkan kitab yang dihasilkan oleh Syeikh Mutawali dan Syeikh Dabba dengan olahan yang amat menarik. Jika dilihat kepada tarikh kitab ini disemak dan ditashihkan iaitu pada tahun 1373 hijrah dibanding dengan tarikh Syeikh Nuh Jamaluddin meninggal dunia pada tahun 1367 Hijrah bermaksud tujuh tahun selepas beliau meninggal dunia, kitab ini diterbitkan." (Khairul Anuar bin Mohamad, 2024)

Terdapat beberapa penulisan yang menyatakan bilangan karya Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani. Ada yang menyatakan dua kitab Sahaja. Namun begitu menurut Nik Fadlan Nik Mahmood, Syeikh Nuh Jamaluddin menulis empat kitab. Kitab yang keempat ialah al-Durrah al-Wafirat bi Halli al-faz al-Raudhat Fi Qiraat al-Hamzah al-Zayyat. menurut beliau kitab ini

belum dicetak. Masih dalam manuskrip tersimpan di Pondok Madrasah al-I'amah al-Diniyyah, Selatan Thailand. (Nik Fadlan Nik Mahmodd, 2024)

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini adalah berasas kepada kajian perpustakaan melalui analisis dokumentasi sepenuhnya. Kajian ini akan merujuk kepada artikel dari jurnal dan kertas kerja seminar atau persidangan. Jurnal al-Qanadir telah menerbitkan satu artikel bertajuk Metodologi Nuh Jamaluddin Dalam Menghurai Karya Syeikh Muhammad Mutawali dan Syeikh Ali Dabba'. Selain itu rujukan juga dibuat kepada buku ilmiah. Beberapa kertas kerja berkaitan tokoh ini telah dibentang dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke -8 (PASAK8 2023). Selain itu kertas kerja berkaitan tokoh juga dibentang dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyah kali Ke-3 (IRSYAD2017)

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Biografi Syeikh Nuh Jamaluddin

Syeikh Nuh Jamaluddin dilahirkan di Kelantan sekitar tahun 1314 H bersamaan 1896 M. Beliau memulakan pengajian di Kelantan berguru dengan Tok Kenali di pondoknya di Kubang Kerian. Setelah itu pada tahun 1919 M, beliau melanjutkan pengajian ke Makkah dan mendalami ilmu agama. Dalam pengajian Quran, Syeikh Nuh Jamaluddin bertalaqqi dengan tokoh Quran yang terkenal dengan gelaran Tok Senggora. Tok Senggora telah memberi ijazah Qiraat Tujuh dan Qiraat Sepuluh kepada Syeikh Nuh Jamaluddin. (Ismail Che Daud:2021)

Keilmuaan Syeikh Nuh Jamaluddin dalam bidang Quran amat luas terutamanya bidang tajwid dan Qiraat. Setelah gurunya Tok Senggora meninggal dunia pada tahun 1930, Syeikh Nuh Jamaluddin telah menyambung pengajaran gurunya di Kota Makkah iaitu antara tahun 1930an hingga 1940an. Pada tahun 1944, Syeikh Nuh telah dilantik sebagai guru tahfiz di Madrasah Dar al-Ulum al-Diniyah, Makkah Mukaramah. Di madrasah inilah beliau telah berkhidmat sehingga akhir hayatnya. (Shahrudin Saad: 2017)

Syeikh Nuh Jamaluddin mengakhiri hayatnya di Kampung Shi'ab Ali, Mekah ketika azan Subuh sedang berkumandang pada pagi Sabtu 21 Rejab 1367 Hijrah bersamaan 29 Mei 1948, dalam usia 53 tahun. Beliau meninggalkan lapan orang anak, iaitu enam lelaki dan dua perempuan. Tiga orang anak lelakinya merupakan hafiz al-Quran, iaitu Haji Abdullah, Haji Abdul Aziz dan Haji Hashim. Salah seorang anaknya yang bernama Haji Hafiz telah pulang ke Kelantan dan berkhidmat sebagai bilal yang kemudiannya dilantik sebagai imam di Masjid Muhammadi pada tahun 1955 sehingga 1989.

DUA RISALAH PADA ILMU QIRAAT

Kitab dua risalah ini adalah terjemahan dua kitab dalam Bahasa arab yang dihasilkan oleh Syeikh Mutawali dan Syeikh Ali Dabba'. Kitab yang dihasilkan oleh Syeikh Mutawali adalah

bertajuk *Manzumah Fi Riwayat Warsy* telah dihuraikan oleh Syeikh Ali Dabba dan diberi nama dengan *Hidayah al-Murid Ila Riwayat Abi Saied*.

Kitab ini mengandungi 234 rangkap syair. Ia terbahagi kepada dua iaitu usul dan farsy. Perbicaraan dalam bahagian usul, penulisnya Syeikh Mutawali telah menghasilkan 74 rangkap syair dan dibahagikan kepada 13 bab. Ia dimulakan dengan muqadimah diikuti dengan antara dua surah, Ha Kinayah, Mad dan Qasr sehinggalah terakhirnya Ya'at al-Zawaid. Manakala 160 rangkap syair lagi adalah berkaitan farsy huruf bermula dengan surah al-Fatihah, al-Baqarah hinggalah ke surah al-Nas.

Manakala kitab kedua yang dikarang oleh Syeikh Ali Dabba pula bertajuk *Nazm Ma Khalafa Fihi Qalun Warsyan Min Tariq Hirz al-Amani*. Kitab *Nazm Ma Khalafa Fihi Qalun Warsyan Min Tariq Hirz al-Amani* mengandungi 32 rangkap syair sahaja. Nazm ini berkaitan perbezaan antara riwayat Qalun dengan riwayat Warsy. Karya ini ditulis oleh Syeikh Ali Dabba' dan dihuraikan juga oleh beliau dengan diberi nama al-Jauhar al-Maknun Fi Riwayat Qalun. Kitab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Usul dan Farsy. Bahagian Usul mengandungi tujuh bab dengan 20 rangkap syair. Manakala farsy pula mempunyai satu bab sahaja dengan 12 rangkap syair. (Ali Muhammad Dabba', 1355H)

HADITH YANG TERDAPAT DALAM DUA RISALAH PADA ILMU TAJWID

HADIS PERTAMA:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ فِي كِتَابٍ لَمْ تَزَلِ الْمَلَائِكَةُ تَسْتَغْفِرُ لَهُ مَا دَامَ اسْمِي فِي ذَلِكَ الْكِتَابِ

HR al-Tabrani dalam Mu'jam al-Awsat. Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub bin Mutir al-Lakhmi al-Syami, Abu al-Qasim al-Tabrani. T.th. Al-Mu'jam al-Awsat. Tahqiq: Torik bin Iwada Allah bin Muhammad, Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Husaini. Kaherah: Dar al-Haramain. No. Hadis: 1835. 2/235. Dalam Mu'jam al-Awsat, tidak dinyatakan status hadis.

Dalam sumber yang lain, al-Iraqi menyatakan sanad hadis ini adalah dhaif. Abu al-Fadl Zain al-Din Abd al-Rahim bin al-Husain bin Abd al-Rahman bin Abi Bakr bin Ibrahim al-Iraqi. 2005. Al-Mughni 'an Hamli al-Asfar fi al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ihya' min al-Akhbar. Lubnan – Beirut: Dar Ibnu Hizam. 1/367.

Hadith di atas terdapat dalam dua rujukan berikut:

i) Mu'jam al-Awsat Imam al-Tabrani.

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ قَالَ: نَا إِسْحَاقُ بْنُ وَهْبٍ الْعَلَّافُ قَالَ: نَا بِشْرُ بْنُ عُبَيْدِ اللَّهِ الدَّارِسِيُّ قَالَ: نَا حَازِمُ بْنُ بَكْرٍ، عَنْ يَزِيدَ بْنِ عِيَّاضٍ، عَنِ الْأَعْرَجِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ صَلَّى عَلَيَّ فِي كِتَابٍ لَمْ تَزَلِ الْمَلَائِكَةُ تَسْتَغْفِرُ لَهُ مَا دَامَ اسْمِي فِي ذَلِكَ الْكِتَابِ

ii) Al-Mughni ‘an Hamli al-Asfar fi al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ihya’ min al-Akhbar Imam al-Iraqi.

حَدِيث «مَنْ صَلَّى عَلَيَّ فِي كِتَابٍ لَمْ تَزَلِ الْمَلَائِكَةُ تَسْتَغْفِرُ لَهُ مَا دَامَ اسْمِي فِي ذَلِكَ الْكِتَابِ»

HADIS KEDUA:

أَنَا سَيِّدُ وَلَدِ آدَمَ وَلَا فَخْرَ

Khobar ini terdapat dalam riwayat Ibnu Majah 4308. Abu Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. 2009. Sunan Ibnu Majah T. al-Arnaut. Tahqiq: Syuaib al-Arnaut, ‘Adil Mursyid, Muhammad Kamil Qurrah Balili, Abd al-Latif Hirz Allah. T.tp: Dar al-Risalah al-‘Alamiah. 5/362.

Martabat hadis ini adalah Sohih lighairihi. Ibnu Majah Abu Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. T.th. Sunan Ibnu Majah. Tahqiq: Muhammad Fuad Abdul Baqi. T.tp: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah. 2/1440. Al-Albani menghukumnya Sohih.

HADIS KETIGA:

أَنَا أَكْرَمُ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ عَلَى اللَّهِ وَلَا فَخْرَ

Matan yang dinyatakan dalam khobar ini terdapat pada hadis yang diriwayatkan oleh al-Darimi (Abu Muhammad Abd Allah bin Abd al-Rahman bin al-Fadl bin Bahram bin Abd al-Somad al-Darimi al-Tamimi al-Samarqandi). 2000. Musnad al-Darimi (Sunan al-Darimi). Tahqiq: Husain Salim Asad al-Darani. Saudi: Dar al-Mughni li al-Nashr wa al-Tauzi’. 1/94. Hadis ke 48. Pentahqiq menyatakan hadis ini sanadnya Dhoif.

Hadis ini ada dinyatakan dalam Sunan al-Tirmizi dengan lafaz وَأَنَا أَكْرَمُ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ وَلَا فَخْرَ. Muhammad bin Isa bin Tsaarah bin Musa bin al-Dhahhak al-Tirmizi. 1998. Al-Jami’ al-Kabir (Sunan al-Tirmizi). Tahqiq: Basyyar ‘Awad Ma’ruf. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy. 6/15. Hadis ke 3616. Hadis Gharib.

HADIS KEEMPAT:

قَائِدُ الْعُرِّ الْمُحَجَّلِينَ

Riwayat ini ada dinyatakan dalam Kitab Kasyfu al-Astar susunan al-Bazzar. Nur al-Din Ali bin Abi Bakr bin Sulaiman al-Haitsami. 1979. Kasyfu al-Asytar ‘an Zawaid al-Bazzar. Tahqiq : Habib al-Rahman al-A’zomi. Beirut: Muassasah al-Risalah. 1/49. Bab minhu fi al-Isra’. Hadis ke 60. Al-Bazzar tidak menyatakan status hadis ini.

Al-Haitsami menukilkan hadis ini dengan matan berbeza, iaitu dengan tambahan lafaz **فِي** Abu al-Hasan Nur al-Din Ali bin Abi Bakr bin Sulaiman al-Haitsami. T.th. Majma'u al-Zawaidi wa Manba'u al-Fawaidi. Tahqiq: Husain Salim Asad al-Darani. T.tp: Dar al-Makmun li al-Turath. 1/458. No. hadis: 246. Beliau menyatakan majoriti perawi sanad ini adalah dhaif, dan matannya mungkar jiddan.

Ibnu Katsir menukilkan riwayat dengan lafaz:

(لَمَّا عُرِجَ بِي إِلَى السَّمَاءِ انْتَهَى بِي إِلَى قَصْرِ مِنْ لَوْلُو فَرَأَيْتُهُ مِنْ ذَهَبٍ يَتَلَأَلُّ، فَأَوْحَى إِلَيَّ : فِي عَلَى بَثَلَاثَ خِصَالٍ: أَنَّهُ سَيِّدُ الْمُسْلِمِينَ، وَإِمَامُ الْمُتَّقِينَ، وَقَائِدُ الْغُرِّ الْمُحْجَلِينَ)

Beliau menyatakan hadis ini mungkar jiddan dan seakan2 maudhu' (direka) oleh golongan syiah yang melampau. Dan beliau turut menyatakan sifat yang dinyatakan dalam hadis ini ialah sifat Rasulullah SAW dan bukannya sifat Ali. Abu al-Fida' Ismail bin Umar bin Katsir al-Qurasyi al-Basri tsumma al-Dimasyqi. 1998. Jami' al-Masanid wa al-Sunan al-Hadi li Aqwa Sanan. Tahqiq: Dr Abd al-Malik bin Abd Allah al-Dahisy. Beirut – Lubnan: Dar al-Khadr li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi'. 1/261. No. hadis: 405.

Dalam kitab silsilah al-Daifah lafaz matan ini tidak dinyatakan **فِي عَلَى** dan menghukumnya dengan munkar. Muhammad Nasir al-Din al-Albani. 1992. Silsilah al-Ahadis al-Dhaifah wa al-Maudua'h wa Atharuha al-Saiyi' fi al-Ummati. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif. 13/902. No. hadis: 6401.

HADIS KELIMA:

أَفْضَلُكُمْ قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُوهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُوهُمْ

Penyusun belum menemui matan hadis yang sama seperti yang dinukilkan oleh Syeikh Nuh Jamaluddin, tetapi menemui matan yang sedikit berbeza daripada matan ini dengan lafaz **خَيْرُكُمْ** dan terdapat dalam Kitab Sahih Imam al-Bukhari. 8/141. Hadis ke 6695.

Muhammad bin Ismail Abu Abd Allah al-Bukhari al-Ju'fi. 1422H. Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umuri Rasul Allah Sallallahu 'alaihi wasallam wa Sunanihi wa Ayyamihi, Sahih al-Bukhari. Tahqiq: Muhammad Zahir bin Nasir al-Nasir. T.tp: Dar Tuq al-Najah.

KESIMPULAN

Karya Syeikh Nuh Jamaluddin mempunyai nilai tersendiri. Semua penulisannya ditumpukan kepada ilmu Qiraat dan ilmu Tajwid. Walaupun beliau telah meninggal dunia hampir 80 tahun yang lalu namun pengkajian terhadap penulisannya masih dilakukan oleh pengkaji manuskrip. Karyanya Dua risalah pada Ilmu Tajwid mempunyai khilaf dalam riwayat warsy yang lengkap.

Semua farsy huruf dinyatakan mengikut urutan surah al-Quran. Selain itu beliau juga memasukkan hadith dan menghuraikannya.

Kesemua hadith yang terdapat dalam kitab Dua Risalah Ilmu Qiraat adalah berkaitan Nabi SAW iaitu kelebihan Nabi SAW dan kelebihan berselawat. Takhrij hadith yang dilakukan adalah untuk mengenal pasti kedudukan hadith dan mendapati terdapat hadith yang berstatus sahih dan daif.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada USIM dan Majlis Agama Islam Kelantan yang telah membiayai geran penyelidikan dengan kod penyelidikan: USIM/MAIK/FPQS/LUAR-K/42123.

RUJUKAN

- Abu al-Fadl Zain al-Din Abd al-Rahim bin al-Husain bin Abd al-Rahman bin Abi Bakr bin Ibrahim al-Iraqi (2005) *Al-Mughni ‘an Hamli al-Asfar fi al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ihya’ min al-Akhbar*. Lubnan – Beirut : Dar Ibnu Hizam.
- Abu Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini (2009) *Sunan Ibnu Majah T. al-Arnaut. Tahqiq: Syuaib al-Arnaut, ‘Adil Mursyid, Muhammad Kamil Qurrah Balili, Abd al-Latif Hirz Allah*. T.tp: Dar al-Risalah al-‘Alamiah.
- Abu Muhammad Abd Allah bin Abd al-Rahman bin al-Fadl bin Bahram bin Abd al-Somad al-Darimi al-Tamimi al-Samarqandi (2000) *Musnad al-Darimi (Sunan al-Darimi)*. Tahqiq: Husain Salim Asad al-Darani. Saudi: Dar al-Mughni li al-Nashr wa al-Tauzi’.
- Asyraf Muhammad Fuad Tal’at (2002) *al-Allamah Ali Muhammad al-Dabba’ Syeikh Qurra Wa Umum al-Maqari Bi al-Diyar al-Misriyyah*, Cetakan Kedua, Brunei Dar al-Salam: Jamiah Brunei Dar al-Salam.
- Ibnu Majah Abu Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. T.th. *Sunan Ibnu Majah*. Tahqiq: Muhammad Fuad Abdul Baqi. T.tp: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah
- Ismail Che Daud (2021) *Tokoh-Tokoh Ulamak Semenanjung Melayu (2)*, Cetakan Pertama (edisi ketiga) Kota Bharu: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ibrahim Ibn Said Ibn Hamada al-Dausari (1999) *al-Imam al-Mutawalli wa Juhuduhu Fi Ilmi al-Qiraat*, Cetakan Pertama, Riyadh: Maktabah al-Rusyd
- Khairul Anuar Mohamad & Syed Ahmad Tarmizi bin Syed Omar (2005) *Tokoh Pendidik al-Quran Di Malaysia: Dato Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim*, Jurnal Maalim al-Quran Wa al-Sunnah, Bil 1.

Khairul Anuar Mohamad, Abd Muhaimin Ahmad & Mohd Shamsu Hakim Abd Samad (2024) Metodologi Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani Dalam Menghurai Karya Qiraat Syeikh Muhammad Mutawalli Dan Syeikh Ali Dabba', Jurnal al-Qanatir, Vol.33. No.5.September.

Khairul Anuar Mohamad, 2021, Kealiman Syeikh Ali Dabba', Utusan Malaysia, 6 April 2021

Muhammad Hana Fizi B Abdullah & Khairul Anuar Mohamad (2023) Sumbangan Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani Dalam Bidang Ilmu al-Qiraat Melalui Kitab al-Durrah al-Muntakhabah Fi Riwayat Syu'bah, E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke -8 (PASAK8 2023)

Nik Muhammad Fadlan bin Nik Mahmod & Khairul Anuar Mohamad (2024) Metodologi Tuhfatul Atfal Karya Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani, Jurnal Of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) Vol:9 Issues: 64.

Nur al-Din Ali bin Abi Bakr bin Sulaiman al-Haitsami. 1979. Kasyfu al-Asytar 'an Zawaid al-Bazzar. Tahqiq: Habib al-Rahman al-A'zomi. Beirut: Muassasah al-Risalah. 1/49. Bab minhu fi al-Isra'.

Nuh Jamaluddin (1373H) Dua Risalah Pada Ilmu Qiraat, Mesir: Matba'ah Hijazi.

Shahrudin Bin Saad, (2017) Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani: Penyambung Sanad Tok Senggora, E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara Kali Ke-2, 2017.